

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1130772/kadar-inflasi-di-malaysia-turun-serendah-24-peratus>

Kadar inflasi di Malaysia turun serendah 2.4 peratus



Kenaikan harga makanan & minuman yang lebih perlahan mendorong kadar inflasi di Malaysia terus terkawal - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Kadar inflasi negara pada Jun 2023 mereda kepada 2.4 peratus, menjadikannya kadar terendah dalam enam bulan pertama 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan perlahan inflasi dalam bulan itu didorong oleh kenaikan lebih rendah bagi kumpulan restoran dan hotel (5.4 peratus); makanan & minuman bukan alkohol (4.7 peratus) dan hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (2.3 peratus).

Selain itu, katanya peningkatan perlahan inflasi pada bulan dikaji turut didorong oleh kenaikan kecil bagi kumpulan pelbagai barangan & perkhidmatan (2.6 peratus); kesihatan (2.0 peratus) dan pendidikan (1.9 peratus).

"Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain serta perkhidmatan rekreasi & kebudayaan pula masing-masing meningkat 1.8 peratus dan 1.6 peratus.

"Ini diikuti oleh minuman alkohol & tembakau (0.6 peratus) dan pakaian & kasut (0.1 peratus)," katanya dalam satu kenyataan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Jun 2023.

Mohd Uzir berkata, inflasi pengangkutan bagi Jun 2023, kekal tidak berubah berbanding Jun 2022.

Katanya, subkumpulan perkhidmatan pengangkutan dan pembelian kenderaan masing-masing meningkat sebanyak 5.2 peratus dan 1.9 peratus.

"Namun begitu, penurunan inflasi subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian sebanyak negatif 0.6 peratus, sedikit sebanyak telah mengimbangi inflasi kumpulan ini daripada meningkat.

"Penurunan subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan bahan api & pelincir untuk pengangkutan persendirian kepada negatif 3.8 peratus berbanding negatif 2.4 peratus pada Mei 2023.

"Selain itu, penurunan harga minyak petrol tanpa plumbum RON97 kepada negatif 29.4 peratus pada bulan Jun 2023 (RM3.37 seliter) berbanding Jun 2022 (RM4.77 seliter) turut menyumbang kepada penurunan kelas perbelanjaan ini," katanya.

Beliau berkata, bagi inflasi di peringkat negeri pula, 10 negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 2.4 peratus dengan Labuan merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 1.2 peratus pada Jun 2023.

"Walau bagaimanapun, enam negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Sarawak (3.0 peratus), Pahang (2.9 peratus), Putrajaya (2.8 peratus), Selangor (2.7 peratus), Perak (2.7 peratus) dan Melaka (2.7 peratus)," katanya.

Mohd Uzir berkata, inflasi teras yang mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan tidak termasuk item makanan segar yang tidak menentu dari segi harga serta barang dan perkhidmatan tertakluk dengan kawalan harga dari kerajaan, turut meningkat perlahan 3.1 peratus berbanding 3.5 peratus pada Mei 2023.

Beliau berkata, kenaikan ini didorong terutamanya oleh peningkatan perlahan kumpulan makanan & minuman bukan alkohol yang mencatatkan kenaikan 6.0 peratus dan restoran & hotel pada 5.4 peratus.

Sementara itu, katanya inflasi bagi kumpulan pendapatan bawah RM3,000, meningkat 2.7 peratus berbanding Mei 2023 pada 3.1 peratus.

Peningkatan ini, katanya disumbangkan oleh kumpulan makanan & minuman bukan alkohol sebanyak 4.1 peratus dan terutamanya direkodkan oleh subkumpulan daging (5.5 peratus), diikuti oleh susu, keju & telur (5.4 peratus) dan beras, roti & bijirin lain (4.7 peratus).

"Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Jun 2023 meningkat 0.2 peratus berkadaran sama seperti direkodkan pada Mei 2023.

"Sementara itu, inflasi bagi suku tahun kedua 2023 meningkat 2.8 peratus kepada 130.2 berbanding 126.6 pada suku tahun yang sama tahun lalu," katanya.

Mohd Uzir berkata, bagi perbandingan suku tahunan pula, inflasi meningkat 0.4 peratus berbanding pada suku tahun pertama 2023.

Bagi perbandingan dengan inflasi negara lain pula, beliau menjelaskan bahawa inflasi Zon Euro meningkat perlahan kepada 5.5 peratus pada Jun 2023 berbanding 6.1 peratus pada bulan sebelumnya.

Katanya, inflasi di Amerika Syarikat (AS) pula mereda kepada 3.0 peratus pada Jun 2023 berbanding Mei 2023 (4.0 peratus).

"Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia adalah lebih rendah berbanding inflasi di Korea Selatan, Indonesia dan Filipina," katanya.